

Dana Pelarasan Industri, 4 langkah drastik kawal AP diumumkan

Rangka dasar automotif

UM - 20/10/2005

Oleh MOWARDI MAHMUD
dan JOHARDY IBRAHIM

PUTRAJAYA 19 Okt. – Kerajaan hari ini mengumumkan rangka Dasar Automotif Nasional (DAN) antaranya menetapkan empat langkah drastik bagi mengawal pengeluaran permit import (AP) yang akan dilupus dalam jangka masa panjang.

Selain itu, rangka tersebut bertujuan menjadikan Malaysia sebuah pusat serantau bagi pembuatan, pemasangan dan pengedaran kenderaan serta menggalakkan sektor itu kompetitif dan berdaya maju, terutamanya pembuat kereta nasional.

Sepuluh langkah serta-merta telah ditetapkan bagi pelaksanaan dalam rangka dasar itu menjelang pengumuman rasmi DAN dalam tempoh satu hingga tiga bulan ini.

Para pemerhati industri menganggap rangka DAN ini mampu menyelesaikan isu-isu berkaitan sektor itu, terutamanya mengenai soal AP.

Signifikannya DAN diperkenalkan ialah kerana pasaran industri automotif Malaysia adalah besar dan berpotensi untuk maju.

Pada 2004, Malaysia adalah pengeluar kereta penumpang terbesar di ASEAN dengan jualan sebanyak 420,000 buah atau 24.4 peratus.

Jumlah eksport sektor automotif tempatan tahun lalu adalah RM2.5 bilion.

Mengikuti rangka DAN yang di-

■ Lihat muka 2

Rangka baru automotif

umumkan hari ini, syarikat senaraian awam kawalan Bumiputera kini boleh memohon AP secara terus.

Sebelum ini, syarikat itu terpaksa menggunakan pengimport perantara (orang tengah atau pemegang AP individu) bagi mengimport kenderaan.

“Dengan pengecualian ini, syarikat-syarikat seperti DRB-Hicom Bhd. dan Sime Darby Bhd., yang kini pemegang francais jualan eksklusif untuk jenama kenderaan tertentu, akan mengimport kenderaan secara langsung tanpa perlu menggunakan pengimport perantara,” menurut kenyataan 10 halaman yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Isu AP timbul sebelum ini apabila pelbagai pihak mempersoalkan bagaimana beberapa orang individu mendapat AP yang banyak dan menyewanya pula kepada pemegang francais.

Dua lagi langkah drastik mengenai AP adalah:

- Membekukan pengeluaran AP francais bagi pengimportan kereta berjenama baru.
- Menghentikan pengeluaran AP francais bagi pengimportan kenderaan ditala (*tuned-up*) bermula 1 Januari 2006. Pemegang AP terbuka boleh mengimport kenderaan ditala tetapi perlu diperiksa rapi oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Pada masa ini, terdapat sebanyak 76 syarikat yang menerima AP, termasuk syarikat-syarikat yang telah menubuhkan lapan konsortium sesama mereka.

Daripada jumlah itu, 36 syarikat Melayu menjadi pengimport tunggal bagi 44 jenama kereta terkenal dunia.

Selain menangani permasalahan AP, rangka DAN turut menyediakan insentif khas kepada syarikat yang melabur dalam industri automotif tempatan.

Ini bermakna mana-mana pembuat kereta akan diberikan insentif setelah ia diberikan pertimbangan dan penilaian yang sewajarnya dan akan diberikan bertepatan dengan keperluan spesifik pelabur berkenaan.

Insentif ini adalah berdasarkan kepada kriteria seperti tahap nilai tambah, tahap pemindahan teknologi, peningkatan dalam tahap kepakaran, tahap pendapatan tukaran asing, pengukuhan rangkaian nilai pembuatan, memajukan jaringan dalam industri dan mengendalikannya penyelidikan dan pembangunan.

Pada masa ini, insentif khas termasuk cukai dan insentif bukan cukai, akan hanya diberikan kepada projek yang layak dalam sektor pembuatan. Insentif-insentif ini termasuklah pengecualian cukai korporat, geran latihan dan R&D dan juga pinjaman kadar rendah.

Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah segera untuk menggalakkan sektor automotif, kerajaan telah juga menetapkan beberapa kawasan sebagai pusat-pusat pengeluaran. Kawasan-kawasan itu ialah Gurun (Kedah), Bertam dan Seberang Perai (Pulau Pinang), Pekan (Pahang), Tanjung Malim (Perak) dan Shah Alam dan Rawang (Selangor).

Kerajaan juga berkata ia tidak akan menggalakkan penubuhan pusat-pusat pengeluaran lain bagi sektor itu.

Antara langkah-langkah lain yang diumumkan dalam rangka DAN itu termasuk:

Penubuhan Dana Pelarasan Industri untuk membantu para pengeluar Malaysia menghadapi cabaran-cabaran yang dibawa oleh peningkatan persaingan.

Dari segi membantu pengeluar-pengeluar komponen dan alat-alat, kenyataan itu berkata projek-projek kerjasama dengan rakan-rakan kongsi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) akan digunakan bagi mempertingkatkan daya

saing industri automotif Malaysia.

Bidang-bidang kerjasama berpotensi adalah dalam bidang-bidang meningkatkan kualiti, akses pasaran yang meningkat, mempertingkatkan kemahiran dan menubuhkan pusat-pusat ujian di Malaysia.

Pelaksanaan Program Pembekalan Global bagi membolehkan pengeluar-pengeluar komponen-komponen dan alat-alat tempatan meluas ke dalam rangkaian bekalan global syarikat-syarikat automotif utama.

Program ini akan dilaksanakan melalui penyertaan dalam sektor-sektor keutamaan ASEAN dan juga melalui FTA-FTA dan perundingan.

Geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan diberikan kepada pembuat automotif serta pembuat komponen yang menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan termasuk mereka bentuk, membuat prototaip serta bagi pembangunan dan penambahbaikan produk.

Mewujudkan geran-geran latihan kepada pembuat dan pemasang automotif serta pembuat komponen yang menyediakan peluang-peluang latihan untuk kakitangan bagi meningkatkan tahap kemahiran dan kecekapan.

Dana Perolehan Teknologi (TAF) akan diperluaskan kepada sektor automotif di mana setakat ini syarikat milik tempatan yang memerlukan teknologi baru untuk mengukuhkan kemampuan teknologi boleh memohon sebahagian daripada dana ini.

Geran Pembangunan Pasaran akan disediakan bagi Industri Kecil dan Sederhana untuk digunakan bagi usaha mengembangkan pasaran eksport.

Dalam konteks ini, syarikat-syarikat boleh memperoleh geran sepadan sebanyak 50 peratus daripada kos aktiviti yang dibenarkan, katanya lagi.